

Ek...  
ECONEWS

RESIT PERLU DIKELUARKAN BAGI SETIAP PEMBELIAN TIDAK LAMA LAGI, KATA PM

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Kerajaan sedang menimbang satu cadangan untuk mensyaratkan kesemua pembelian barangan dan perkhidmatan, dikeluarkan resit di dalam kempen membendung inflasi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, langkah itu sedang dibincangkan berikutan pelaksanaan peraturan tanda harga ke atas kesemua barangan baru-baru ini.

Langkah melawan inflasi adalah untuk jangka panjang dan berterusan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembinaan kilang peracuan Proton bernilai RM260 juta, di sini hari ini.

Beliau menekankan yang usaha membendung inflasi memerlukan perancangan yang teliti.

Satu jawatankuasa Kabinet, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri, telah diwujudkan dengan matlamat menurunkan kadar inflasi, yang kini berada pada paras 4.5 peratus, kepada paras paling rendah.

Apabila ditanya apakah paras inflasi yang sesuai bagi Malaysia, beliau berkata: "Kadar sifar, tetapi tanpa menekan pertumbuhan ekonomi."

Katanya, Malaysia telah berjaya mengekalkan kadar inflasi di bawah lima peratus di sebalik pertumbuhan ekonomi yang pesat yang dialami sejak beberapa tahun kebelakangan.

Ditanya mengenai kenaikan nilai yen dan kesannya ke atas pinjaman yen Malaysia, beliau berkata: "Ini bermakna kita terpaksa mencari lebih banyak wang."

Katanya, kenaikan yen berbanding dolar Amerika disebabkan oleh tindakan negara-negara Kumpulan Tujuh yang cuba mengurangkan defisit perdagangan mereka yang meningkat dengan Jepun.

Ditanya sama ada Malaysia akan menukarkan pinjaman yen dengan pinjaman dalam matawang lain, beliau berkata penukaran pinjaman dibuat sepanjang masa.

Pinjaman dalam matawang yen merupakan 33 peratus atau RM13.8 ribu juta daripada hutang luar Malaysia, yang berjumlah RM41.4 ribu juta pada akhir 1992.

Katanya, peningkatan nilai yen juga merupakan salah satu faktor menyebabkan harga Proton Saga menjadi lebih mahal.

Proton Wira yang dijangka mula dijual bulan depan dianggarkan berharga RM40,000.

Komponen-komponen auto dari Jepun menjadi semakin mahal sekarang, katanya.

Kurang daripada 30 peratus komponen-komponen kereta nasional itu di bawa dari Jepun. -- Bernama